

## **KOMPETENSI KEUSAHAWANAN DIRI DALAM KALANGAN MAHASISWA YANG MENGAMBIL KURSUS KEUSAHAWANAN DI UNIVERSITI**

**Siti Syuhada Abd Rahman, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri, & Suhaila Nadzri**

Jabatan Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[sitisyuhada@kuis.edu.my](mailto:sitisyuhada@kuis.edu.my), [firdaussabri@kuis.edu.my](mailto:firdaussabri@kuis.edu.my), [suhaila.nadzri@kuis.edu.my](mailto:suhaila.nadzri@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri kompetensi keusahawanan yang paling dominan serta tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan para mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah yang mengambil kursus keusahawanan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Instrumen yang digunakan untuk kajian yang berbentuk deskriptif ini adalah instrumen kompetensi keusahawanan Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1985). Terdapat 13 ciri kompetensi keusahawanan menurut kajian Mc Clelland (1985) iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasikan kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, keyakinan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain, dan mampu menggunakan strategi pengaruh. Kajian mendapati bahawa komitmen terhadap perjanjian kerja merupakan ciri kompetensi keusahawanan yang paling dominan dalam diri mahasiswa. Kajian juga mendapati tahap kompetensi diri mahasiswa bagi kesemua 13 ciri kompetensi adalah di tahap sederhana.

**Kata kunci:** Kompetensi, Keusahawanan, Kursus keusahawanan, Mahasiswa.

### **1. PENGENALAN**

Pembangunan sektor keusahawanan merupakan antara agenda penting Negara pada ketika ini. Ini terbukti dengan wujudnya pelbagai inisiatif untuk membantu dan memantapkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan masyarakat (Zahariah et. al., 2010; Ismail et al., 2009). Salah satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah dengan menggalakkan pembangunan kurikulum keusahawanan di institusi pengajian tinggi di Malaysia (Ismail et al., 2009). Ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kesedaran, kemahiran dan pengetahuan berkaitan keusahawanan serta membudayakan keusahawanan dalam diri mahasiswa, seterusnya melahirkan graduan yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya kelak (Nabi dan Holden, 2008; Nor Aishah, 2002; Kementerian Pendidikan Malaysia 2001; Malaysia 2006). Ini amat penting sebagai persediaan menghadapi persaingan modal insan yang semakin mencabar selepas menamatkan pengajian.

Isu pengangguran dalam kalangan graduan bukan perkara baru dan menjadi masalah kepada Negara. Keusahawanan dilihat mampu membantu kerajaan dalam menangani isu pengangguran, meningkatkan ekonomi Negara, membuka ruang pekerjaan kepada

masyarakat, di samping mewujudkan masyarakat yang berdaya saing demi meneruskan pertumbuhan ekonomi Negara dalam era globalisasi ini (Syed, 2013). Ini dapat dicapai antaranya melalui pendidikan dan kurikulum keusahawanan di universiti (Ooi Yeng Keat et. al., 2011).

Walaupun kompetensi keusahawanan dilihat sebagai salah satu aspek penting dalam perkembangan dan kejayaan sesebuah perniagaan, perbincangan, pendedahan dan kajian mengenainya masih dalam peringkat awal (Brinckmann, 2008) terutama di Malaysia. Pendapat ini disokong oleh Mitchelmore dan Rowley (2010) yang berpendapat bahawa walaupun konsep kompetensi keusahawanan telah dipromosikan secara meluas oleh agensi kerajaan dan agensi-agensi lain dalam memacu perkembangan ekonomi negara dan kejayaan sesebuah perniagaan, kajian lebih lanjut perlu dibuat yang mengkaji aspek keberkesanan praktis, kepentingan praktis dan hubungan kompetensi keusahawanan tersebut dengan prestasi usahawan dan kejayaan sesebuah perniagaan.

## **2. OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri kompetensi keusahawanan yang paling dominan, serta mengenalpasti tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah yang mengambil kursus keusahawanan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

## **3. KAJIAN LITERATUR**

### **3.1 Usahawan dan Keusahawanan**

Perkataan usahawan berasal daripada perkataan “entreprendre” dalam bahasa Perancis yang bermaksud seseorang yang sanggup memikul atau mencuba sesuatu (Norita et al., 2007). Menurut McDaniel et al. (2005), usahawan ialah seseorang yang memperkenalkan sesuatu yang baru dan membangunkan teknologi yang belum pernah dicuba. Kuratko dan Hodgetts (2007) menyatakan usahawan merupakan individu yang dapat mengenalpasti peluang dalam keadaan orang lain melihatnya sebagai gangguan atau kecelaruan.

Menurut Abu Bakar et al, (2007), usahawan merujuk kepada individu yang melibatkan diri dalam apa jua bidang perniagaan dan menggunakan kreativiti mereka dalam mengurus serta menjayakan perniagaan tersebut selain memiliki beberapa ciri-ciri tertentu yang dapat mendorong mereka untuk menerokai bidang keusahawanan seperti mempunyai daya usaha untuk menceburi dunia perniagaan dan sanggup mengambil risiko.

Terdapat pelbagai definisi dan perspektif usahawan yang diberikan, namun secara umumnya terdapat persamaan konsep seperti mengambil risiko, memikul tanggungjawab dan penciptaan baru. Kesimpulannya, usahawan adalah seorang yang mengambil risiko dalam memulakan atau menubuhkan sesuatu perniagaan atau perusahaan dan mengusahakannya.

Manakala keusahawanan pula melibatkan individu yang bergelar usahawan yang bertindak sebagai pencetus kepada pertumbuhan ekonomi. Usahawan merangka rancangan tindakan ke arah menggerak dan menggembelng tenaga manusia, modal dan tanah dengan cekap bagi menghasilkan output yang tinggi. Usahawan juga sentiasa berusaha mencari dan merebut peluang-peluang perniagaan yang mempunyai potensi untuk dimajukan dan bersedia untuk menghadapi sebarang risiko dalam perniagaan (Raja Yusof et al. 2002). Kuratko dan Hodgetts (2007) pula mendefinisikan keusahawanan sebagai satu proses inovasi dan

penciptaan melalui empat dimensi iaitu individu, organisasi, alam sekitar dan proses kerjasama rangkaian dalam kerajaan, pendidikan dan perlembagaan.

Menurut Schumpeter (1934) dalam Norita et al. (2007), keusahawanan bermaksud menjalankan kombinasi baru organisasi firma seperti produk atau servis baru, sumber-sumber baru bahan mentah, kaedah pengeluaran yang baru, pasaran baru dan bentuk organisasi baru. Kesimpulannya, keusahawanan adalah amat penting kepada pembangunan individu, keluarga, masyarakat, Negara serta agama. Ianya merupakan satu bidang ilmu yang merangkumi unsur-unsur sikap, kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan perniagaan dan perusahaan (Norita et al., 2007).

Secara amnya, teori keusahawanan terbahagi kepada empat pendekatan iaitu pendekatan ekonomi yang menekankan aspek keuntungan dan kekayaan; pendekatan sosial yang menjelaskan situasi sosial yang boleh mempengaruhi kemunculan seseorang usahawan; pendekatan psikologi yang mengkaji bidang keusahawanan dari aspek ciri-ciri personaliti seseorang usahawan; serta pendekatan keusahawanan Islam di mana keusahawanan dan segala aktivitinya merupakan usaha yang dipandang sebagai ibadah di dalam Islam.

Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan psikologi usahawan dengan berdasarkan kepada 13 ciri-ciri kompetensi keusahawanan Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1985).

### **3.2 Kompetensi Keusahawanan Diri**

Kompetensi keusahawanan bermaksud kemampuan atau kecekapan seseorang untuk melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan dengan berkesan. Kompetensi keusahawanan dimiliki melalui amalan-amalan perilaku hasil daripada pengaruh nilai-nilai hidup seseorang, sikap atau desakan dalaman untuk melakukan tugas dengan cemerlang. Melalui kompetensi keusahawanan, seseorang akan lebih mampu dan lebih cekap berbanding dengan orang lain yang mempunyai pengetahuan dan kelulusan yang sama. Terdapat banyak kajian berkaitan kompetensi keusahawanan yang dijalankan yang membincangkan dan menyenaraikan pelbagai ciri-ciri kompetensi keusahawanan.

Kajian berkaitan kompetensi keusahawanan oleh McClelland et al. (1985) menunjukkan hubungan yang signifikan antara kompetensi keusahawanan yang tertentu dalam instrumen kompetensi keusahawanan di mana ianya mempengaruhi kejayaan seseorang usahawan. Pendapat ini disokong oleh beberapa pengkaji seperti Bird (2002) di mana dalam kajian beliau turut menekankan betapa pentingnya kompetensi keusahawanan diri terhadap perkembangan usahawan dan juga kejayaan sesebuah perniagaan. Secara tidak langsung, instrumen-instrumen dalam kompetensi keusahawanan bukan sahaja menentukan tingkat minat responden terhadap keusahawanan, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai pemacu dan penghubung kepada prestasi usahawan dan kejayaan sesebuah organisasi (Mansfield et al., 1987; Reynaldo et al., 2007; Thomas et al., 2008; Haziah Sa'ari et. al, 2013).

Kajian yang dijalankan oleh McClelland et. al. (1985) di tiga buah negara iaitu India, Malawi, dan Ecuador mendapati bahawa budaya sesebuah tempat atau negara memainkan peranan yang sangat penting dalam mengenal pasti kompetensi yang dominan dalam diri usahawan. Kajian tersebut menunjukkan India mempunyai kadar kepentingan kompetensi keusahawanan yang tinggi berbanding Malawi dan Ecuador. Ini bermaksud, terdapat hubungan yang kuat di antara kejayaan usahawan dan kompetensi yang dikenal pasti oleh para pengkaji tersebut.

Sementara itu, kajian yang dibuat oleh Wedathanthrige (2014) ke atas industri kecil sederhana (IKS) sabut kelapa dan produk berasaskan sabut kelapa di Sri Lanka telah mengenal pasti beberapa kompetensi keusahawanan yang paling utama iaitu melihat dan merebut peluang, jaringan perniagaan, pengambilan risiko, penetapan matlamat, kecekalan, komitmen terhadap kontrak kerja, kebebasan membuat keputusan, perancangan yang sistematik, keyakinan diri, dan keupayaan meyakinkan orang lain terdapat dalam diri seseorang usahawan IKS yang berinovasi. Manakala Izquierdo dan Deschoolmeester (n.d) melalui kajian mereka menunjukkan bahawa 87.5% daripada 60 usahawan IKS di Ecuador berpendapat bahawa proses membuat keputusan adalah kompetensi yang paling utama yang perlu ditonjolkan oleh usahawan, manakala pemikiran berinovatif, penyelesaian masalah dan mempunyai pandangan mengenai pasaran dari sudut pemikiran yang berbeza adalah yang kedua terpenting. Kajian mereka telah mengenal pasti beberapa kompetensi yang tidak dinyatakan oleh McClelland et al. (1985) dalam kajian mereka.

Kajian Man et al. (2002) pula telah mengenal pasti enam kompetensi keusahawanan di mana sebahagiannya adalah berbeza dari McClelland et al. (1985) iaitu peluang, hubungan, konsep, pengurusan organisasi, strategi dan komitmen. Manakala Baum et al. (2001) pula telah mengenalpasti sepuluh kriteria dalam kompetensi keusahawanan iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, pengurusan diri, pentadbiran, sumber manusia, kemahiran membuat keputusan, kepimpinan, mengenalpasti peluang, perkembangan, dan kemahiran organisasi. Menurut Mitchelmore, S., & Rowley, J., (2013), adalah menjadi sesuatu yang amat berkesan dalam mengkaji kompetensi keusahawanan apabila pengkaji mengkajinya dari sudut yang pelbagai seperti budaya, situasi, dan status organisasi atau syarikat.

### **3.3 Kompetensi Keusahawanan Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1985)**

Hasil kajian Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1985) terhadap usahawan yang berjaya di Malawi, India dan Ecuador, mereka telah menyenaraikan 13 ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri yang membantu kejayaan usahawan-usahawan ini (Norita et al., 2007). 13 ciri kompetensi keusahawanan tersebut adalah inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, penumpuan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap kontrak kerja, berorientasikan kecekapan, perancangan yang sistematik, penyelesaian masalah secara kreatif, keyakinan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain dan kemampuan menggunakan strategi-strategi pengaruh (Hanim Sulaiman, Mohd Hassan Mohd Osman, & Mohd Lutfi Mohd Raffi, n.d).

#### *Inisiatif*

Usahawan yang berinisiatif membuat sesuatu tugas tanpa diarah atau dipaksa, mempunyai sikap proaktif dan giat berusaha untuk membangun dan menjayakan perniagaannya. Sikap inisiatif membolehkan usahawan mengambil tindakan awal menyediakan keperluan untuk memulakan dan menerokai bidang-bidang yang mungkin belum diterokai lagi.

#### *Melihat dan merebut peluang*

Usahawan yang mempunyai daya melihat dan merebut peluang sentiasa mencari dan mengenal pasti peluang perniagaan yang wujud. Mereka berkemampuan untuk merebut peluang dengan memperluaskan pasaran serta mendapatkan bantuan bagi kepentingan perniagaan. Kompetensi ini menjadi faktor penting untuk kejayaan dan daya tahan perniagaan.

### *Kecekalan*

Individu yang cekal adalah individu yang tidak merasa jemu mencari jalan untuk mencapai matlamat, tidak mudah mengalah, serta sentiasa berusaha untuk mengatasi halangan yang boleh menyekat pencapaian matlamat, berusaha untuk mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah yang dihadapinya dan sanggup bangun semula walaupun pernah mengalami kegagalan.

### *Mencari maklumat*

Usahawan sentiasa melakukan penyelidikan dan kajian pasaran untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas bagi menyediakan barang atau perkhidmatan yang dapat memenuhi kepuasan pelanggan. Mereka perlu mempunyai kemahiran mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai. Maklumat dan maklum balas yang diperolehi akan dapat digunakan untuk meningkatkan pengalaman, memperbaiki pencapaian dan prestasi perniagaan yang diterajui.

### *Menitik beratkan mutu kerja yang tinggi*

Individu yang menitik beratkan mutu kerja yang tinggi cenderung untuk menghasilkan dan menjual barangan yang bermutu tinggi. Mereka sentiasa membuat perbandingan mutu kerja yang dihasilkan dengan mutu kerja orang lain supaya setanding atau berada di peringkat yang lebih baik. Dalam menjalankan sesuatu tugas, mereka akan menyelesaikan tugas dengan cemerlang dan bermutu demi menjamin kepuasan pelanggan dan meningkatkan imej perniagaan.

### *Komitmen terhadap perjanjian kerja*

Individu yang mempunyai kompetensi ini sanggup melakukan pengorbanan peribadi untuk menyelesaikan sesuatu kerja. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyelesaikan sesuatu kerja demi memberi kepuasan kepada pelanggan. Mereka sentiasa memastikan setiap janji yang dibuat khususnya dengan pelanggan, pembekal dan lain-lain pihak ditunaikan seperti yang telah dipersetujui.

### *Berorientasi ke arah kecekapan*

Individu yang berorientasi ke arah kecekapan sentiasa mencari jalan melakukan sesuatu dengan kos yang lebih rendah atau dengan masa yang lebih singkat daripada kebiasaannya tanpa kompromi terhadap kualiti. Kecekapan perniagaan akan dapat meningkatkan keuntungan dan mengurangkan pembaziran serta kos agar dapat membantu kejayaan perniagaan.

### *Membuat perancangan yang sistematik*

Individu yang mempunyai sikap membuat perancangan yang sistematik mampu membuat perancangan dengan teratur serta membahagikan tugas yang kompleks kepada yang lebih kecil dan mudah. Mereka juga mampu membuat penilaian dan memilih alternatif yang terbaik untuk sesuatu tindakan serta mengambil pendekatan yang sistematik dan logikal untuk mencapai matlamat.

### *Menyelesaikan masalah secara kreatif*

Individu yang mempunyai kemampuan menyelesaikan masalah secara kreatif berupaya melahirkan idea-idea baru atau cara penyelesaian secara inovatif.

#### *Yakin terhadap keupayaan diri*

Individu yang bersikap yakin terhadap diri mempunyai kepercayaan terhadap kebolehan dan kemampuan diri dalam menyelesaikan sesuatu tugas untuk mencapai sesuatu matlamat. Mereka tidak takut mencuba dan tidak takut gagal.

#### *Ketegasan*

Individu yang bersikap tegas berani menyuarakan pendapat atau idea kepada orang lain secara langsung. Mereka berani mengambil tindakan walaupun terpaksa menghadapi tentangan daripada pihak lain. Sifat tegas usahawan akan dapat menjamin pengawalan organisasi dengan baik.

#### *Meyakinkan orang lain*

Individu yang dapat meyakinkan orang lain adalah individu yang yakin dengan kebolehan dan kemampuan diri sendiri. Sikap meyakinkan orang lain amat perlu dimiliki oleh seseorang usahawan kerana mereka perlu berurusan dengan pelbagai pihak seperti kakitangan, pelanggan, pembekal, dan institusi kewangan bagi menjamin urusan perniagaan berjalan dengan lancar.

#### *Menggunakan strategi pengaruh*

Individu yang menggunakan strategi pengaruh mampu mempengaruhi orang lain tanpa tipu helah untuk mencapai sesuatu matlamat perniagaan. Usahawan adalah pemimpin di dalam perniagaannya dan mampu mempengaruhi pekerja-pekerja serta pihak-pihak yang berkepentingan demi mencapai matlamat perniagaannya. Terdapat lima strategi pengaruh yang perlu dimiliki oleh seorang usahawan iaitu pengaruh berdasarkan kuasa mutlak, kuasa menghukum, kuasa memberi ganjaran, kuasa kepakaran, dan kuasa memberi teladan.

### **3.4 Pendidikan Keusahawanan**

Pendidikan formal dalam bentuk kursus yang ditawarkan di universiti dapat meningkatkan pemahaman terhadap keusahawanan. Kajian yang dijalankan oleh Hanim Sulaiman et al. (n.d) menunjukkan bahawa ciri-ciri kompetensi oleh para pelajar yang diberi pendedahan secara formal adalah lebih tinggi berbanding para pelajar yang tidak mendapat pendedahan secara formal. Hasil kajian para pengkaji juga menunjukkan kecenderungan peningkatan ciri-ciri kompetensi yang ketara setelah para pelajar mendapat pendedahan secara formal dalam bidang keusahawanan di universiti. Maka rumusan kajian membuktikan bahawa seseorang akan lebih berjaya di dalam bidang keusahawanan dan mempunyai tahap kompetensi yang tinggi jika didedahkan dan diberi pemahaman dengan bidang keusahawanan di universiti.

Bagi memantapkan lagi kesedaran mengenai keusahawanan, para siswazah perlu dibantu untuk mengenalpasti kompetensi yang relevan dan utama di mana secara tidak langsung akan mengajar mereka untuk merangka dan merancang strategi jangka panjang untuk lebih berjaya walau dalam budaya atau masyarakat yang berbeza (Mansfield et al., 1987). Laguador (2013) di dalam kajian beliau telah mengenalpasti elemen-elemen seperti penetapan matlamat, pencarian maklumat dan kecekalan sebagai kompetensi utama yang didapati dari para mahasiswa tahun tiga program Pentadbiran Perniagaan yang mengambil kursus Pengurusan Operasi di universiti tempatan di Filipina.

Manakala kajian Reynaldo et al. (2007) ke atas pelajar yang mengambil major dalam bidang keusahawanan di lima institusi pengajian tinggi terpilih dalam wilayah pentadbiran Cordillera atau *Cordillera Administrative Region (CAR)* menunjukkan bahawa pelajar atau responden

mempunyai kadar kompetensi yang lemah dan memerlukan peningkatan dalam aspek melihat dan merebut peluang, keyakinan diri dan pengambilan risiko. Melalui kajian itu juga, pelajar keusahawanan menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam aspek kecekalan penumpuan mutu kerja yang tinggi dan juga berorientasikan kecekapan.

Reynaldo et al. (2007) mencadangkan supaya universiti perlu menilai, mempelbagaikan dan menambahbaik semula bentuk kurikulum yang sedia ada. Sebagai contohnya, mendedahkan pelajar mengenai pelaburan, pengendalian risiko, serta cara untuk menguruskan kewangan persendirian. Para pengkaji juga mencadangkan agar membentuk hubungan dua hala dengan usahawan yang sebenar contohnya seperti program perintis di mana pelajar diberikan peluang dan pengalaman sebenar menguruskan perniagaan bersama usahawan terpilih. Selain itu, terdapat juga beberapa cadangan lain oleh pengkaji di antaranya adalah lawatan ke syarikat-syarikat usahawan terpilih, forum, jaringan dengan industri untuk melatih pelajar, mendedahkan kejayaan usahawan dengan membekalkan majalah keusahawanan di universiti, pertandingan keusahawanan, pameran keusahawanan dan perdagangan di universiti.

Adalah tidak keterlaluan jika mengandaikan bahawa para pelajar mempunyai maklumat yang kurang dan berada pada kedudukan dan pengetahuan yang asas mengenai bidang keusahawanan. Oleh itu, para ahli akademik bertanggungjawab membantu dan mendedahkan para pelajar atau siswazah dengan bidang keusahawanan dengan lebih sistematik dan berkesan. Ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Bird (2002) di mana adalah menjadi satu keutamaan ahli akademik untuk mendedahkan pelajar mereka dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan inovasi diri pelajar supaya lebih kreatif, kritis, bermotivasi dan berkebolehan dalam menceburi bidang keusahawanan. Tambahan pula, tenaga pengajar atau ahli akademik boleh mempelbagaikan lagi cara pembelajaran dengan mengendalikan pelbagai aktiviti dalam dan luar kelas untuk memperkembangkan lagi kompetensi pelajar.

Para pelajar boleh didedahkan kaedah untuk membuat dan membentangkan pelan perniagaan, menggalakkan perkembangan idea dalam pembangunan produk atau perkhidmatan dan perancangan strategi yang sistematik. Selain itu, tenaga pengajar juga boleh menggalakkan pelajar untuk membentuk perusahaan percubaan mereka sendiri sepanjang kursus berlangsung di mana ianya dapat mendedahkan pelajar dengan cabaran-cabaran yang biasa dihadapi oleh usahawan dalam dunia sebenar. Secara tidak langsung, pelajar dapat memperoleh pengalaman baru dan sebenar dalam dunia keusahawanan (Hisrich & Peters, 2002).

Aktiviti keusahawanan yang pelbagai di dalam kurikulum sepanjang pengajian pelajar di universiti sedikit sebanyak memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia sebenar perniagaan dan keusahawanan. Pendapat ini disokong oleh Rasheed (2001) dan Sabarre (2013) dimana penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di universiti boleh memperkembangkan kompetensi atau sifat keusahawanan pelajar, meningkatkan kawalan diri, keyakinan diri yang tinggi dan mempertingkatkan inovasi.

Melalui pendekatan yang diambil oleh universiti secara tidak langsung dapat memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dan mengubah mentaliti mereka ke arah bekerja sendiri (Ede et al., 1998; Mohd Salleh Din, 2002). Melalui universiti juga, pelajar dapat menimba ilmu dalam mempelajari teknik sebagai persediaan untuk menjadi usahawan yang berjaya pada masa hadapan (Reynaldo et al., 2007). Secara tidak langsung ini menjadi jambatan yang menghubungkan antara pelajar dan keusahawanan. Universiti turut

memainkan peranan yang penting dalam membangunkan program keusahawanan seterusnya membentuk peribadi usahawan dalam diri pelajar. Pendapat ini disokong oleh Fuller (2006) di mana menurut beliau, universiti memainkan peranan yang utama dan signifikan dalam pembangunan aktiviti keusahawanan yang berterusan.

Sebagai kesimpulannya, dominasi elemen-elemen kompetensi adalah bergantung kepada beberapa kategori seperti demografik, sosio-budaya, ekonomi, status organisasi atau syarikat dan sebagainya. Selain itu, definisi dan pemahaman yang berbeza oleh pelbagai pengkaji mewujudkan versi kompetensi yang berbeza sesuai dengan keputusan atau analisa kajian yang mereka lakukan. Ini diperkukuhkan lagi oleh Mitchelmore dan Rowley (2013) di dalam kajian mereka yang berpendapat bahawa telah wujud sebegitu ramai pengkaji dalam konteks dan pemahaman yang berbeza lebih dua dekad yang lalu yang telah menghasilkan beberapa senarai kompetensi keusahawanan yang berbeza di antara satu sama lain hasil daripada pemerhatian mereka.

## **4. METODOLOGI**

### **4.1 Populasi dan Sampel**

Populasi kajian terdiri daripada 92 orang mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah yang mengambil kursus Keusahawanan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Daripada jumlah itu, seramai 42 orang pelajar dipilih secara rawak sebagai responden kajian.

### **4.2 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah instrumen kompetensi keusahawanan yang diadaptasi daripada kajian Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1985). Terdapat 13 ciri kompetensi keusahawanan menurut kajian Mc Clelland (1985) iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasikan kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, keyakinan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain dan mampu menggunakan strategi pengaruh.

Daripada 13 kompetensi, setiap kompetensi mempunyai 5 soalan berkaitan. Secara keseluruhannya, jumlah soalan adalah sebanyak 65 soalan. Responden diminta menjawab kesemua 65 soalan dengan mengisi borang soalselidik kompetensi keusahawanan berdasarkan skala Likert 1 hingga 5 (1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 kurang setuju, 4 setuju, 5 sangat setuju). Borang soalselidik dianalisa secara deskriptif menggunakan perisian SPSS.

## **5. ANALISIS DAN DAPATAN**

### **5.1 Ciri-ciri Kompetensi Keusahawanan Yang Paling Dominan**

Tahap kompetensi keusahawanan diri mahasiswa dinilai berdasarkan Jadual 1 di bawah.



**Jadual 1: Tahap Penilaian Berdasarkan Skor Min**

Skor Min	Tahap Penilaian
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Mohammad Najib (2003)

Merujuk kepada Jadual 2, secara keseluruhannya didapati, responden yang dikaji mempunyai tahap kompetensi keusahawanan pada tahap sederhana dan tinggi. Kompetensi keusahawanan yang sederhana adalah pada ciri inisiatif (3.38), kecekalan (3.40), mencari maklumat (3.37), berorientasikan kecekapan (3.64), menyelesaikan masalah secara kreatif (3.60), keyakinan diri (3.38), ketegasan (3.40), meyakinkan orang lain (3.25), dan mampu menggunakan strategi pengaruh (3.41). Manakala kompetensi keusahawanan tahap tinggi adalah pada ciri melihat dan merebut peluang (3.70), menitikberatkan mutu kerja yang tinggi (3.76), komitmen terhadap perjanjian kerja (4.15), dan membuat perancangan yang sistematik (3.82). Oleh itu, kajian mendapati bahawa ciri kompetensi keusahawanan diri yang paling dominan adalah komitmen terhadap perjanjian kerja dengan min yang paling tinggi iaitu 4.15.

**Jadual 2: Min 13 Ciri-ciri Kompetensi Keusahawanan**

	Min	Std. Deviation	Tahap
inisiatif	3.38	.47617	Sederhana
merebut_peluang	3.70	.44445	Tinggi
cekal	3.40	.48083	Sederhana
mencari_maklumat	3.37	.41182	Sederhana
mutu_kerja	3.76	.41564	Tinggi
komitmen	4.15	.47331	Tinggi
kecekapan	3.64	.47685	Sederhana
perancangan_sistematik	3.82	.57222	Tinggi
penyelesaian_masalah	3.60	.50750	Sederhana
keyakinan_diri	3.38	.47124	Sederhana
ketegasan	3.40	.47163	Sederhana
meyakinkan_orang	3.25	.45918	Sederhana
strategi_pengaruh	3.41	.46107	Sederhana

## 5.2 Tahap Kompetensi Keusahawanan Diri Pelajar

Jadual 3 di bawah menunjukkan bilangan serta peratus responden yang mempunyai ciri-ciri kompetensi keusahawanan pada tahap sederhana dan tinggi. Didapati bahawa daripada 42 orang responden, seramai 24 orang (57 peratus) mempunyai kompetensi keusahawanan pada tahap sederhana secara keseluruhan bagi kesemua 13 ciri-ciri kompetensi. Manakala seramai 18 orang responden (43 peratus) mempunyai kompetensi keusahawanan pada tahap tinggi.

**Jadual 3: Tahap Kompetensi dan Peratus Responden**

Tahap Kompetensi	Bilangan Responden	Peratus
Sederhana	24	57%
Tinggi	18	43%
Jumlah	42	100%

Analisis seterusnya dijalankan untuk mengenalpasti tahap kompetensi keusahawanan bagi semua responden untuk kesemua 13 ciri-ciri kompetensi keusahawanan. Jadual 4 menunjukkan nilai min yang diperolehi iaitu 3.56. Ini menerangkan bahawa tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah yang mengambil kursus keusahawanan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor secara keseluruhannya adalah sederhana.

**Jadual 4: Min Keseluruhan Kompetensi Keusahawanan**

	Minimum	Maximum	Min	Std. Deviation	Tahap
min_13kompetensi	2.97	4.09	3.5575	.28184	Sederhana

## **6. RUMUSAN DAN CADANGAN**

Kajian mendapati bahawa tahap kompetensi keusahawanan bagi mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah yang mengambil kursus keusahawanan adalah sederhana. Walaubagaimanapun, apabila analisa dilakukan terhadap setiap responden, didapati bahawa 43 peratus daripada responden (18 orang) mencatatkan nilai min di tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah yang mengambil kursus keusahawanan mempunyai ciri-ciri kompetensi keusahawanan.

Kompetensi tersebut perlu digarap dan dirangsang lagi dengan aktiviti-aktiviti atau program-program keusahawanan yang lain selain daripada kursus keusahawanan yang mereka ambil yang menjadi sebahagian daripada keperluan program pengajian mereka. Ini untuk memastikan agar mahasiswa dilengkapi dengan ilmu-ilmu keusahawanan yang mantap selain daripada ilmu-ilmu berkaitan bidang pengajian yang mereka ikuti di universiti. Zaman sekarang adalah zaman yang mencabar di mana ramai graduan yang menganggur. Justeru, dengan adanya kelebihan dari segi ilmu keusahawanan akan menambah nilai graduan di mata masyarakat.

Kajian mendapati bahawa daripada 13 kompetensi keusahawanan, kompetensi yang mencatatkan nilai min yang paling tinggi adalah komitmen terhadap perjanjian kerja (4.15), manakala min yang paling rendah adalah kompetensi keusahawanan meyakinkan orang lain (3.25). Ini menunjukkan bahawa apabila diberi tugas ataupun amanah, mahasiswa akan menjalankan tugas tersebut dengan penuh komited dan bertanggungjawab. Walaubagaimanapun, mahasiswa mempunyai kelemahan dari segi meyakinkan orang lain. Walaupun begitu, min masih berada di tahap sederhana. Justeru, mahasiswa perlu dilatih agar mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan diri sendiri terlebih dahulu. Ini kerana, apabila mereka yakin terhadap diri sendiri mereka akan mempunyai keyakinan untuk meyakinkan orang lain pula.

## **7. PENUTUP**

Pendidikan keusahawanan dalam bentuk kursus yang ditawarkan di universiti dapat meningkatkan pemahaman mahasiswa terhadap usahawan dan keusahawanan, membudayakan keusahawanan dalam diri mereka, serta menarik minat mereka untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya kelak. Banyak kajian mendapati bahawa mahasiswa yang didedahkan dengan pendidikan formal keusahawanan mempunyai kompetensi keusahawanan diri yang tinggi. Ini amat penting sebagai persediaan

mahasiswa menghadapi persaingan modal insan yang semakin mencabar selepas menamatkan pengajian kelak.

## RUJUKAN

- Abu Bakar, T. @ S., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H. dan Muktar, S. N., (2007). Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan Dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan.
- Bird, B. (1995). Toward a theory of entrepreneurial competency. *Advances in Entrepreneurship, Firm Emergence, and Growth*, 2, 51-72.
- Bird, B. (2002). Learning entrepreneurship competencies: the self-directed learning approach. *International Journal of Entrepreneurship Education*, 1, 203-27.
- Brinckmann, J. (2008). Competence of Top Management Teams and the Success of New Technology-Based Firms: A Theoretical and Empirical Analysis Concerning Competencies of Entrepreneurial Teams and the Development of their Ventures. Gabler, Wiesbaden.
- Ede, F. O., Panigrahi, B. & Calcich, S. E. (1998). African American Students' Attitude Toward Entrepreneurship Education. *Journal of Education for Business*, 73(5), 291-296.
- Fuller, S. (2006). What makes universities unique? Updating the ideal for an entrepreneurial age. *Higher Education Management and Policy*, 19(3), 27-50.
- Hanim Sulaiman, Mohd Hassan Mohd Osman, & Mohd Lutfi Mohd Raffi. (n.d). Perbandingan Ciri-Ciri Kompetensi Keusahawanan di antara Pelajar yang Mendapat Pendedahan Formal dengan Pelajar yang Tidak Mendapat Pendedahan Formal di Dalam Bidang Keusahawanan di Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/11619/1/>
- Haziah Sa'ari, Jafalizan Md Jali, Marlia Idrus & Hafiza Adenan. (4-5 June 2013). Mengukur Kompetensi Keusahawanan: Penanda Aras Prestasi Inovasi Pustakawan. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*. Penang, Malaysia.
- Hisrich, R., & Peters M. (2002). *Entrepreneurship*, McGraw Hill, 5th ed, International Edition.
- Ismail, M; Khalid, S. A; Othman, M; Jusoff, K; Abdul Rahman, N; Mohammed, K. M & Shekh, R. Z. (2009). Entrepreneurial intention among Malaysian undergraduates. *International Journal of Business and Management*, Vol. 4, No. 10, pp 54-60.
- Izquierdo, E., & Deschoolmeester, D. (n.d). What Entrepreneurial Competencies Should Be Emphasized in Entrepreneurship and Innovation Education at the Undergraduated Level? 13, 384 – 399.
- Jake M. Laguardo, J. M. (2013, May). A Correlation Study of Personal Entrepreneurial Competency and the Academic Performance in Operations Management of Business Administration Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 3(5), 61-70. Retrieved from <http://www.hrmars.com/admin/pics/1802.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*.
- Kuratko & Hodgetts (2007). *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice*. USA: South Western Cengage Learning.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*.

- Man, T. W. Y., Lau, T. & Chan, K. F. (2002). The competitiveness of small and medium enterprises: a conceptualisation with focus on entrepreneurial competencies. *Journal of Business Venturing*, 17(2), 123-42.
- Man, T. W. Y. & Lau, T. (2005). The context of entrepreneurship in Hong Kong. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 12(4), 464-81.
- Mansfield, R. S., D. C. McClelland, L. M. Spencer & J. Santiago (1987), 'The identification and assessment of competencies and other personal characteristics of entrepreneurs in developing countries', Final Report: Project No. 936-5314, *Entrepreneurship and Small Enterprise Development*, Contract No. DAN-5314-C-00-3065-00, Washington, DC: United States Agency for International Development; Boston, MA: McBer.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Din. (2002). The Development of Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia. Tesis PhD. University of Durham.
- Mitchelmore, S., & Rowley, J. (2010). Entrepreneurial competencies: a literature review and development agenda. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 16(2), 92 -111. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1108/13552551011026995>
- Mitchelmore, S., & Rowley, J. (2013). Entrepreneurial competencies of women entrepreneurs pursuing business growth. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 20(1), 125-142. <http://dx.doi.org/10.1108/14626001311298448>
- Nabi, G & Holden, R. (2008). Graduate entrepreneurship: Intentions, education and training. *Education and Training*, Vol. 50, No. 7, pp 545-551.
- Norita Deraman et al. (2007). *Keusahawanan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Nor Aishah Buang. (2002). *Asas Keusahawanan*. Selangor: Penerbit fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ooi Yeng Keat, Christopher Selvarajah, Denny Meyer (2011). Inclination towards entrepreneurship among university students: An empirical study of Malaysian university students. *International Journal of Business and Social Science* Vol. 2 No. 4.
- Raja Yusof, R. M., Devi, S., Din, J., Noordin, N. & Saari, N. (2002). Ciri-ciri Keusahawanan Dan Amalan Pengurusan Di Kalangan Pengurus-pengurus Koperasi Di Malaysia: Suatu Perbandingan Di Antara Koperasi Berjaya Dengan Koperasi yang Kurang Berjaya. *Monograf Penyelidikan Maktab Kerjasama Malaysia*.
- Rasheed, S. H. (2001). Developing Entrepreneurial Characteristics in Youth: The Effects of Education and Enterprise Experience. *International Journal of Entrepreneurship Education*. Retrieved from <http://www.sbaer.uca.edu/research/usasbe/2001/pdf/files/papers/Volume2/063.pdf>
- Reynaldo S. B., Maria J. P. B., & Asuncion G. N. (2007, October 1-2). The Personal Entrepreneurial Competencies of BS Entrepreneurship Students of the Cordillera Administrative Region and Practicing Entrepreneurs in the Cities of Baguio, Dagupan, and San Fernando, La Union: A Comparison. *Paper presented at the 10th National Convention on Statistics (NCS)*, EDSA Shangri-La Hotel, Phillippines
- Sabarre, Antonia L. (2013). Dominant Personal Characteristics of Students in a Home Arts Entrepreneurship Course. *Education and Development Conference 2013 Conference Proceedings*, Bangkok, Thailand.
- Syed Zamberi Ahmad. (2013). The need for inclusion of entrepreneurship education in Malaysia lower and higher learning institutions. *Education + Training*. Vol. 55 No. 2, pp. 191-203.

- Thomas W.Y. Man, Theresa Lau, & Ed Snape. (2008). Entrepreneurial competencies and the performance of small and medium enterprises: an investigation through a framework of competitiveness. *Journal of Small Business and Entrepreneurship*, Summer, 2008.
- Wedathanthrige, H. (2014, January). Personal Competencies for Innovation: A Case Study of Small and Medium Enterprises of Coir Industry in the North Western Province of Sri Lanka. *Ruhuna Journal of Management and Finance*, 1 (1).  
Retrieved from [http://www.mgt.ruh.ac.lk/rjmf/pdfs/RJMF0101\\_JA\\_p15.pdf](http://www.mgt.ruh.ac.lk/rjmf/pdfs/RJMF0101_JA_p15.pdf)
- Zahariah Mohd Zain, Amalina Mohd Akram, & Erlane K Ghani (2010). Entrepreneurship Intention Among Malaysian Business Students. *Canadian Social Science*. Vol. 6, No. 3, 2010, pp. 34-44.